

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 13 NOVEMBER 2014

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan sekiranya ada syarikat yang melaksanakan rentikerjasentara.

PR-1323-L64268

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pemberhentian kerja sementara (*lay-off*) merupakan salah satu langkah awal yang diambil oleh pihak majikan bagi tujuan mengelakkan pemberhentian pekerja akibat daripada faktor-faktor seperti penutupan syarikat, penyusunan semula syarikat, pengurangan pengeluaran, penggabungan syarikat, perubahan teknologi, pengambilan syarikat, kegawatan ekonomi dan lain-lain. Ianya dilakukan dalam bentuk penutupan sementara (*temporary shut down*) dengan menawarkan gaji yang berpatutan dan membantu mereka mendapatkan kerja sementara di tempat lain sehingga

operasi dapat diteruskan semula. Walaubagaimanapun, pelaksanaan ini hendaklah dilakukan dengan persetujuan pekerja atau kesatuan sekerja yang mewakili mereka.

2. *Lay-off* ini telah diperuntukkan di dalam Peraturan-Peraturan Kerja (Faedah-Faedah Penamatan Dan Pemberhentian Kerja Sementara) 1980. Pekerja disifatkan sebagai diberhenti kerja sementara hendaklah dibayar faedah pemberhentian kerja sementara sekiranya majikan tidak memberi kerja sekurang-kurangnya sejumlah 12 hari kerja biasa dalam suatu tempoh empat minggu berturut-turut dan pekerja tidak berhak mendapat apa-apa saraan di bawah kontrak bagi tempoh atau tempoh-tempoh (dalam tempoh empat minggu berturut-turut itu) yang ia tidak diberi kerja.

3. Jabatan Tenaga Kerja (JTK) merupakan agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia yang bertanggungjawab memantau pelaksanaan pemberhentian kerja sementara yang dilaksanakan oleh pihak majikan. Pihak majikan yang berhasrat untuk melaksanakan berhenti kerja sementara ini hendaklah memaklumkan pelaksanaannya kepada JTK yang terdekat sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tindakan *lay-off* dibuat. JTK akan membuat pemantauan bagi memastikan kebajikan pekerja yang terlibat terjamin dan hak-hak mereka dapat diberikan dengan sewajarnya.

4. Dalam masa yang sama JTK akan mendapatkan maklumat kekosongan jawatan dari majikan-majikan lain sebagai persediaan untuk membantu pekerja yang terlibat untuk mendapatkan pekerjaan

lain dengan segera sekira tindakan *lay-off* ini berubah menjadi pemberhentian tetap.

5. Untuk makluman Dewan yang mulia sehingga 30 September 2014 hanya 16 majikan sahaja dilaporkan telah membuat tindakan *lay-off* yang melibatkan 992 orang pekerja. Jumlah ini jauh lebih rendah berbanding tahun 2013 dimana sebanyak 56 majikan telah membuat tindakan lay off yang melibatkan 13,953 orang pekerja.